

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZI [JERLUN]

SOALAN : Dato' Othman B. Aziz minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perkembangan Unit Agropreneur Muda (UAM) yang telah ditubuhkan pada September 2013 untuk menarik golongan belia menjadi pelapis dalam sektor pertanian dan apakah perancangan unit berkenaan dalam tempoh lima tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah mengambil langkah positif untuk menarik lebih ramai penglibatan generasi muda di dalam sektor pertanian melalui penubuhan Unit Agropreneur Muda (UAM). Melalui unit ini, pelbagai program telah dilaksanakan sejak ditubuhkan pada September 2013 :

- i. Pendaftaran 3,028 peserta di dalam program pembangunan agropreneur muda MOA

- ii. 56 Program promosi dan roadshow bagi menarik minat generasi belia untuk menceburi bidang pertanian
- iii. 23 Siri program latihan dan khidmat nasihat dalam pelbagai bidang pertanian serta pembangunan usahawan melibatkan 1,918 peserta
- iv. Penyediaan pakej keusahawanan mengikut sub sektor pertanian untuk diceburi oleh generasi belia yang merangkumi pelbagai aktiviti sub sektor seperti tanaman, perikanan, ternakan, pemasaran dan teknologi & inovasi
- v. Bantuan kewangan yang disediakan untuk pembangunan usahawan tani muda yang dilaksanakan oleh Jabatan & Agensi di bawah MOA adalah pinjaman laluan mudah melalui AgroBank dan TEKUN Nasional.

Kelulusan pembiayaan oleh AgroBank untuk Agropreneur Muda:

- a. Projek baru – sehingga RM50,000
- b. Projek sediaada – sehingga RM300,000

TEKUN Nasional juga membantu menyediakan dana pembiayaan untuk Agropreneur Muda bagi tujuan modal perniagaan sehingga RM100,000.

Sehingga 15 Oktober 2014, sejumlah 215 permohonan pembiayaan dengan nilai RM25.97 juta telah diterima, daripada jumlah itu, sebanyak 128 permohonan bernilai RM9.22 juta telah diluluskan oleh Agrobank dan TEKUN Nasional.

Antara perancangan unit ini dalam tempoh lima tahun akan datang seperti berikut:

Bil.	Program	Perincian Program
1.	Program Pembangunan Usahawan Muda SUPER mengikut sub sektor	<p>Mengenalpasti ikon usahawan muda jaya mengikut sub sektor seperti sub sektor tanaman, perikanan, ternakan, pemasaran dan teknologi & inovasi sebagai mentor kepada usahawan baru (Program mentor-menti atau sebagai <i>anchor company</i> untuk program pembangunan pakej agropreneur muda.</p> <p>Melantik sekurang-kurangnya dua orang Agropreneur Muda setahun</p>
2	Program Inkubator Agropreneur Muda (IAM) diseluruh negara sebagai pusat pembangunan usahawan dan pusat latihan in-situ kepada usahawan muda	<p>Mewujudkan program inkubator agropreneur muda mengikut sub-sektor dengan menggunakan kemudahan atau aset sediaada Jabatan dan Agensi MOA.</p> <p>Cadangan membangunkan tiga projek IM bagi tahun 2015;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Ladang satelit ternakan ruminan b) Ternakan ikan dalam sangkar c) Tanaman secara fertigasi

Bil.	Program	Perincian Program
3.	Program Pembangunan Tanah Terbiar di IKBN dengan kerjasama Kementerian Belia & Sukan	Mengenalpasti tanah terbiar IKBN untuk dibangunkan oleh Agropreneur Muda bagi pelbagai projek pertanian seperti ladang ternakan, tanaman fertigasi
4.	Program Promosi dan Hebahan:	Melaksanakan dan menyertai sekurang-kurangnya 50 siri program promosi dan hebahan setahun bagi mewar-warkan program Agropreneur Muda dan seterusnya menjadi medan pertemuan dan perkongsian ilmu di kalangan generasi belia bersama pihak berkepentingan serta pemain industri
5.	Program Pembangunan Agropreneur Muda My Best Buy	Melantik usahawan muda mengikut Kawasan/Daerah untuk program pemasaran produk pertanian yang menawarkan harga yang lebih rendah dari pasaran biasa Cadangan melantik 5 usahawan/kawasan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' OTHMAN AZIZ [JERLUN]**

TARIKH : **MESYUARAT KETIGA,**
(7 OKTOBER – 27 NOVEMBER 2014)

SOALAN : **11**

Dato' Othman Aziz [JERLUN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang memperkenalkan sistem pendaftaran keselamatan, kos pengesahan pengguna (UAC) seperti kod pengesahan transaksi (TAC) bagi tujuan mengenal pasti individu yang mengakses laman sosial bagi mengekang penyalahgunaan laman sosial yang semakin meluas dan mampu mengancam keharmonian negara.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Berdasarkan pendekatan yang telah dilakukan oleh beberapa negara seperti Korea dan China, kaedah pendaftaran identiti bagi pengguna media sosial melibatkan penyimpanan data yang besar. Sistem pengumpulan data tersebut memerlukan satu mekanisme pelaksanaan yang melibatkan perkara-perkara seperti berikut: